

Patuhi peraturan bentuk disiplin: Naib Cancellor UMS

NST 8.9.2017 3

KOTA KINABALU: Naib Cancellor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof.Dr.D.Kamarudin D Mudin mengingatkan para pelajar universiti itu supaya mematuhi akta, perlombagaan, statut, peraturan dan tatatertib yang berkuatkuasa di universiti.

Beliau berkata pematuhan peraturan bukan untuk menyekat kebebasan para pelajar tetapi untuk membentuk mereka menjadi lebih berdisiplin, di samping tidak mendatangkan masalah terhadap mana-mana pihak.

“Oleh itu saya berharap para pelajar dapat menghayati dan memahami maksud kesemua perkara dalam ikrar pelajar kerana ikrar itu akan menjadi panduan dan bimbingan para pelajar untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan.

“Kesemua perkara dalam ikrar pelajar UMS tidak akan tercapai sekiranya para pelajar tidak menanamkan nilai-nilai murni dalam diri masing-masing iaitu amanah, bertanggungjawab, ikhlas, dedikasi, sederhana, tekun, bersih, berdisiplin, bekerjasama, berbudi mulia dan bersyukur,” katanya.

Beliau berkata demikian sempena Majlis Lafaz Ikrar dan Aku Janji Pelajar Baharu UMS Sesi 2017/2018, di Dewan Cancellor UMS, di sini, kelmarin.

D Kamarudin berkata, selain mematuhi peraturan universiti, para pelajar juga harus berdisiplin dan mengutamakan kualiti dalam pelaksanaan aktiviti termasuk menyiapkan tugas akademik.

“Bagi penuntut universiti, semua perkara hendaklah dilakukan secara berdisiplin, kerana hanya yang berdisiplin mampu mengurus kehidupan dengan baik,” katanya.

Katanya lagi, para pelajar UMS juga perlu berganding bahu dengan warga UMS untuk sama-sama meningkatkan nama baik universiti itu selain berbakti kepada masyarakat dan negara.

Mengenai “Transformasi Universiti Industri 4.0”, D.Kamarudin berkata, bagi memastikan kejayaan transformasi itu, lima aspek penting ditekankan kepada seluruh warga UMS iaitu sikap dinamik, sustainability, integrity, joyful dan justice.

“Sikap dimanik bermaksud, warga UMS perlu cepat menerima dan menyesuaikan diri dengan segala perubahan, fungsi dan tanggungjawab.

“Manakala sustainability atau kelestarian pula memfokus kepada aktiviti yang dilaksanakan, hendaklah dipastikan mampu bertenaga untuk tempoh masa yang lama.

“Begitu juga dengan sikap integriti yang memerlukan kita bersikap jujur dan amanah semasa melakukan pekerjaan,” katanya.

Pada sesi 2017/2018, UMS menerima seramai 4,720 pelajar baharu. Daripada jumlah itu 2,293 pelajar dari Semenanjung, Sarawak dan Labuan, 2,121 pelajar dari Sabah dan selebihnya pelajar antarabangsa.

UMS turut menawarkan tempat kepada 200 pelajar dalam kalangan kurang berkelebihan atau pelajar (dari keluarga) B40 untuk mengikuti pengajian prasiswazah pada sesi kali ini. Program tanggungjawab sosial korporat ini adalah yang kelima dijayakan UMS. -OLEH MARRYAN RAZAN